



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENILAIAN ESEI-ESEI KRITIKAN DRAMA DALAM  
DEWAN SASTERA TAHUN 2000-2010***

**INTAN ZAHARIAH BINTI GAISUN**

**FBMK 2015 12**



**PENILAIAN ESEI-ESEI KRITIKAN DRAMA DALAM  
DEWAN SASTERA TAHUN 2000-2010**

Oleh

**INTAN ZAHARIAH BINTI GAISUN**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Sastera.

**Januari 2015**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENILAIAN ESEI-ESEI KRITIKAN DRAMA  
DALAM DEWAN SASTERA  
TAHUN 2000-2010**

Oleh

**INTAN ZAHARIAH BINTI GAISUN**

**Januari 2015**

**Pengerusi  
Fakulti**

**: Arba'ie Sujud, Ph.D  
: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian terhadap bidang eseи kritikan drama merupakan kajian yang agak terkemudian hadir dalam bidang kritikan di negara ini berikutan kelewatan kehadiran genre drama itu sendiri. Melihat kepada kajian-kajian terhadap bidang eseи kritikan drama sebelum ini, kebanyakannya bertumpu kepada keberkesanan penulisan eseи kritikan drama itu sendiri berdasarkan kepada aspek pendekatan. Keberkesanan di sini bermaksud cara penulisan eseи kritikan drama tersebut dalam mendapatkan mutu penulisan kritikan yang baik. Walau bagaimanapun masih terdapat sedikit kelompongan terhadap kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini iaitu dalam mendapatkan penulisan eseи kritikan drama yang berkesan, hanya aspek pendekatan sahaja yang dilihat. Tiada aspek lain yang diberi perhatian. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengisi kelompongan terhadap kajian-kajian terdahulu dengan melihat penilaian eseи kritikan drama berdasarkan kerangka penilaian eseи kritikan drama. Penilaian eseи kritikan drama yang dinilai adalah berdasarkan aspek penggunaan pendekatan, pengolahan bahasa, penghujahan dan penganalisisan serta aspek isu atau polemik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Untuk melaksanakannya, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu majalah *Dewan Sastera* dari Januari 2000 hingga Disember 2010. Hasil kajian ini mendapat sebanyak empat buah eseи kritikan drama sahaja yang mengikuti kesemua penilaian eseи kritikan drama manakala yang selebihnya ada yang mengikuti aspek yang dinyatakan dan ada yang tidak. Ini memberi gambaran bahawa penilaian eseи kritikan drama masih lagi perlu diperdalam dalam mendapatkan kritikan yang bernilai dan bermutu.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment  
of the requirement for the degree of Master of Arts

**DRAMA EVALUATION ESSAYS IN  
DEWAN SASTERA YEAR 2000-2010**

By

**INTAN ZAHARIAH BINTI GAISUN**

**January 2015**

**Chair : Arba'ie Sujud, Ph.D**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Research in the field of drama evaluation essay has become the latest research area that existed in the evaluation field in this country. This is due to the delay of the presence of that drama genre itself. Based on the previous done, towards the drama evaluation essay writing with regards of approach aspect. Effectiveness of the drama evaluation essay is defined as the evaluation itself in order to obtain a good quality of writing evaluation essay. Due to the focus only approach aspect, it has lead to lacking in the studies done before especially in order to obtain an effective drama evaluation essay. This research is done to fulfill the research gap towards the existing research by looking into the assessment of the drama evaluation essay with the references on the drama essay evaluation framework. The drama evaluation essay that have been evaluated are based on approach usage, language edited, judgments and analysis done as well as on polemic issues. This is a qualitative research using a document analysis method which was from *Dewan Sastera* from January 2000 until December 2010. The finding has shown that only four drama evaluation essay that adhere to all of the drama evaluation essay writing while the rest are not. This suggested that drama evaluation essay writing need to be look into deeply in order to obtain a quality and valuable evaluation.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala Pujian bagi Allah S.W.T dan Selawat serta salam kepada baginda Nabi Muhammad S.A.W, para sahabat dan para pengikutnya serta muslimin dan muslimat.

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Illahi yang telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyiapkan Tesis Sarjana yang berjudul “ Penilaian Esei Kritikan Drama dalam *Dewan Sastera* tahun 2000-2010” sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk mendapat Ijazah Master Sastera di Universiti Putra Malaysia. Sesungguhnya, tanpa kudrat daripada Allah S.W.T tidaklah dapat saya sempurnakan kerja yang telah diamanahkan ini.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Arba’ie bin Sujud selaku penyelia Tesis Sarjana ini, atas nasihat dan bimbingan yang membina sepanjang tempoh penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Dr. Fazilah Husin selaku Ahli Jawatankuasa atas nasihat dan bimbingan yang diberikan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada mak Siti Sarkiah binti Najamuddin dan abah Gaisun bin Ja’afar yang selama ini memberikan sokongan moral dan material yang tidak terhingga. Mendoakan setiap kali dan menyumbang segala yang perlu. Tidak kenal erti perit untuk membantu dan mencari ruang untuk keperluan dan kelengkapan menyiapkan tesis.

Buat suami tercinta Mohd Nor Fariz bin Sirat, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kerana memahami tanggungjawab saya sebagai seorang pelajar dan memberikan tunjuk ajar dan dorongan dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih atas pengorbanan yang diberikan.

Juga untuk adik beradik dan rakan seperjuangan yang telah memberi tunjuk ajar dan nasihat mereka kepada saya untuk mencapai misi saya di sini. Bagi saya, mereka lah yang menjadi sumber kejayaan dan pembakar semangat saya untuk menggenggam segulung ijazah di menara gading ini.

Tidak lupa kepada mereka yang membantu memberikan maklumat dan kerjasama dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, Perpustakaan Pendeta Za’aba, UM serta Perpustakaan Awam Port Dickson dalam menyiapkan tesis sarjana ini. Akhir kata, terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Sekian, *Wassalam..*



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Fazilah binti Husin, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap perkataan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik dan hak cipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentukbertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Intan Zahariah Binti Gaisun. GS32092

### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Arba'ie bin Sujud, PhD

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Fazilah Husin, PhD

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
 <b>BAB</b>	
<b>I. PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan masalah	4
1.3 Objektif kajian	8
1.4 Kepentingan kajian	8
1.5 Batasan kajian	9
1.6 Definisi Operasional	11
 <b>II. SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Pengkajian dalam kritikan sastera	15
2.3 Pengkajian dalam kritikan drama	20
2.4 Rumusan	21
 <b>III. METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka Bentuk Kajian	22
3.3 Pemprosesan Data Kajian	22
 <b>IV. PENILAIAN ESEI-ESEI KRITIKAN DRAMA</b>	
4.1 Pengenalan	30
4.2 Penilaian Esei Kritikan Drama	30
4.2.1 Aspek Penggunaan Pendekatan	30
4.2.1.1 Kritikan yang Objektif	33
4.2.1.2 Perbincangan yang berfokus	46
Penerapan Persoalan	47
4.2.2 Aspek Pengolahan Bahasa	49
4.2.2.1 Penggunaan kata yang jelas	52
4.2.2.2 Penyusunan ayat yang berkesan	60
4.2.3 Aspek Penghujahan dan Penganalisisan	65
4.2.3.1 Penghujahan secara langsung dan jitu	67
4.2.3.2 Penganalisisan Secara Bertertib	78

4.2.4 Aspek Isu atau Polemik	84
4.2.4.1 Kekuatan Isu atau Polemik	85
4.3 Rumusan	90
4.4 Cadangan Pengkritik untuk meningkatkan mutu penghasilan drama mahupun esei kritikan drama	90
<b>V. RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	94
5.2 Cadangan	95
5.3 Rumusan	96
<b>BIBLIOGRAFI</b>	98
<b>LAMPIRAN</b>	104
<b>BIODATA PELAJAR</b>	106
<b>PENERBITAN</b>	107

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Esei kritikan Drama yang Memasukkan Aspek Pendekatan dan Teori	31
2	Esei kritikan Drama yang Mengandungi Kesemua Kriteria-Kriteria dalam Aspek Penggunaan Pendekatan dan Teori	32
3	Esei Kritikan Drama yang Tidak Kesemuanya Mengandungi Kriteria-kriteria dalam Aspek Penggunaan Pendekatan dan Teori	33
4	Esei Kritikan Drama yang Memberikan Definisi Pendekatan dan Teori dalam Kritikan	34
5	Esei Kritikan yang Tidak Memberikan Definisi Pendekatan dan Teori dalam Kritikan	38
6	Esei Kritikan Drama yang Menyatakan Fungsi Bagi Pendekatan dan Teori yang Digunakan	39
7	Esei kritikan Drama yang Tidak Menyatakan Fungsi Bagi Pendekatan dan Teori yang Digunakan	39
8	Esei kritikan Drama yang Mengandungi Ciri-ciri Pendekatan dan Teori	41
9	Esei kritikan Drama yang Tidak Mengandungi Ciri-ciri Pendekatan dan Teori	43
10	Esei kritikan Drama yang Mengandungi Contoh yang Relevan	44
11	Esei kritikan Drama yang Mengkhususkan Persoalan kepada Satu Aspek Sahaja	47
12	Esei Kritikan Drama yang Memenuhi kesemua Kriteria Aspek Pengolahan Bahasa	51
13	Esei Kritikan Drama yang tidak Memenuhi Kesemua Kriteria dalam Aspek Pengolahan Bahasa	52

14	Esei Kritikan Drama yang Mengandungi Pemilihan Kata yang Tepat dalam Analisis	54
15	Esei Kritikan Drama yang Tidak Mengandungi Pemilihan Kata yang Tepat dalam Analisis	58
16	Esei Kritikan yang Mengandungi Tujuan Penggunaan Ayat dalam Menyampaikan Idea dan Hujahan	62
17	Esei Kritikan Drama yang Mengikuti Kesemua Kriteria dalam Aspek Penghujahan dan Penganalisisan	66
18	Esei Kritikan Drama yang Tidak Mengandungi Kriteria-kriteria dalam Aspek Penghujahan dan Penganalisisan	67
19	Esei Kritikan Drama yang Menyampaikan Isi Fikiran Secara Langsung Dan Jitu	68
20	Esei Kritikan Drama yang Tidak Menyampaikan Isi Fikiran Secara Langsung Dan Jitu	70
21	Esei Kritikan Drama yang Mengikuti Kriteria Kesahihan dan Kerincian dari Segi Fakta	73
22	Esei Kritikan Drama yang Tidak Mengikuti Kriteria Kesahihan dan Kerincian dari Segi Fakta	76
23	Esei Kritikan yang Mengaplikasikan Cara Penyusunan Fakta yang Betul	81
24	Esei Kritikan yang Tidak Mengaplikasikan Cara Penyusunan Fakta yang Betul	82
25	Esei Kritikan Drama yang Menampilkan Sesuatu Isu yang Baharu	86
26	Esei Kritikan Drama yang Tidak Menampilkan Sesuatu Isu yang Baharu	88

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Esei kritikan kesusasteraan Melayu merupakan salah satu genre yang penting dalam dunia persuratan Melayu. Hal ini kerana eseи kritikan kesusasteraan Melayu merupakan satu ‘kegiatan’ dan ‘tujuan’ yang memberikan ukuran dan pertimbangan terhadap sesebuah karya kreatif. Menurut Anwar Din (2008) menyatakan bahawa pada asasnya kritikan merupakan ‘penghubung’ antara karya dengan khalayak. Dalam hubungan ini berlaku proses mengulas, menganalisis, menilai, mentafsir dan meneliti sesuatu karya seni. Dalam memberikan ukuran dan pertimbangan ini mampu memberi ukur tara terhadap nilai sesebuah karya kreatif di negara kita.

Perkara ini dilihat seiring dengan tujuan eseи kritikan itu sendiri yang dikatakan membincangkan soal penghayatan, penganalisisan dan penilaian terhadap sesebuah karya seperti cerpen, novel, puisi dan drama. Melalui tujuan eseи kritikan itu sendiri, jelas memperlihatkan sesebuah karya kreatif yang dihasilkan dapat dilihat sama ada bermutu atau tidak bermutu. Menurut Anwar Din (2008) lagi, menyatakan bahawa tujuan kritikan adalah untuk membuat khalayak ‘dapat nampak apa yang sebelumnya tidak nampak’. Itu sebabnya, kritikan yang baik mendorong seseorang untuk mengulangi menonton sesebuah persembahan atau membaca semula karya yang dikritik. Dalam hal ini, kritikan mempertajam penghayatan dan menambah pengetahuan tentang karya berkenaan. Ini turut disokong oleh Rachmat Djoko Prodopo (2005) yang menyatakan bahawa salah satu fungsi kritikan adalah dalam membantu perkembangan kesusasteraan suatu bangsa dengan menjelaskan karya sastera mengenai baik buruknya karya sastera dan menunjukkan daerah-daerah jangkauan persoalan karya sastera. Dengan demikian, para sasterawan dapat mengambil manfaat dari kritik sastera. Dengan ini, mereka dapat memperkembangkan penulisan karya-karya sastera mereka yang kemudian mengakibatkan perkembangan kesusasteraan.

Menyelusuri sejarah kehadiran kritikan kesusasteraan dalam industri kesusasteraan Melayu adalah lewat berbanding dengan karya kreatif. Terdapat pelbagai pendapat mengenai sejarah kemunculan kritikan kesusasteraan di negara ini. Wong Seng Tong, (1973) menyatakan kritikan kesusasteraan Melayu muncul di negara ini pada tahun 1930-an. Hal ini merujuk kepada kemunculan kritikan kesusasteraan Melayu dalam *Majalah Guru* bilangan 7.7, terbitan 1 Julai 1935, yang menyarkan makalah bertajuk “Tun Seri Lanang dan Munsyi Abdullah” yang ditulis oleh Keris Melayu. Walau bagaimanapun, Kassim Ahmad melalui tulisannya dalam *Dewan Sastera* (1974) pula menyatakan bahawa kemunculan kritikan kesusasteraan Melayu adalah kira-kira pada tahun 1950-an. Hal ini melihatkan kehadiran kritikan kesusasteraan adalah 30 tahun lewat berbanding kemunculan karya kreatif pada tahun 1920-an.

Berbeza dengan Wong Seng Tong dan Kassim Ahmad, Hashim Awang (2003), menyatakan bahawa pada tahun 1930-an hingga tahun 1950-an merupakan era atau tahap percambahan eseai dan kritikan di Tanah Melayu. Menurutnya lagi, pada waktu ini eseai kritikan Melayu masih diperingkat awal perkembangan dan tidak begitu menarik minat penulis jika dibandingkan dengan genre kreatif. Selain itu, soal definisi, konsep dan bentuk kritikan juga tidak dibincangkan secara meluas. Berbeza dengan Sahlan Mohd Saman (2008b) pula menyatakan bahawa tulisan tentang kritikan sastera sejak dari titik mulanya adalah dicatatkan pada tahun 1949 sebagai tahun bermula secara serius, memperlihatkan sifat objektif ilmiahnya. Walau bagaimanapun, Munir Ali (1990) membuat kesimpulan bahawa kebanyakan penulisan pada tahap awal kritikan sastera ini tidak membicarakan sesuatu karya yang dicakupnya sebagai suatu hasilan seni, lantaran kebanyakan mereka belum begitu matang bagi memperkatakan unsur-unsur dalaman yang membina karya.

Berkaitan hal ini, kemunculan bidang kritikan kesusasteraan Melayu sebenarnya memberikan fungsi yang tersendiri dalam perkembangan dunia kesusasteraan Melayu. Antara fungsi kritikan kesusasteraan Melayu adalah sebagai kayu ukur dalam memberi pertimbangan atau penilaian terhadap sesebuah karya tidak kira sama ada pertimbangan baik atau buruk dalam menentukan ketinggian atau kerendahan mutu sesebuah karya itu. Tugas melaksanakan pengukuran ini sebenarnya bukanlah satu tugas yang mudah. Pengkritik memerlukan bacaan yang luas dan bahan bacaan yang bermutu dalam mengkritik sesebuah karya. Dengan itu, barulah kritikan yang dilakukan mempunyai mutu yang bagus berserta dengan hujahan-hujahan yang mantap. Perkara ini selaras dengan pendapat Othman Puteh (1996) yang menyatakan bahawa kritikan yang baik dan mantap menuntut persiapan yang tidak sedikit daripada pengkritiknya. Justeru itu, setiap pengkritik harus senantiasa bersiap sedia dengan pelbagai ilmu bantu dan memahami berbagai-bagai teori kesusasteraan untuk memungkinkan kajian terhadap karya sastera yang polisemi sifatnya.

Seterusnya, melalui kritikan sastera mendorong kepada pembinaan teori-teori sastera. Teori-teori sastera yang dibina dapat disesuaikan dengan karya-karya dalam negara yang semestinya berbeza dengan karya-karya dari negara barat. Hal ini kerana karya-karya yang ditulis oleh penulis tempatan selalunya beridentitikan masyarakat tempatan. Teori-teori baru yang beridentitikan masyarakat tempatan juga diperlukan bagi tujuan kritikan karya-karya yang dihasilkan penulis tempatan sekali gus dapat meningkatkan mutu karya-karya negara. Menurut Mana Sikana (1998a), menyatakan bahawa sebenarnya amat sukar untuk mencapai ke peringkat pembinaan teori. Berapa banyak kritik sastera yang dihasilkan tetapi tidak satupun yang sampai ke peringkat pembinaan teori kritik dan teori sastera. Pernyataan ini bermaksud kritikan yang dilakukan tersebut adalah pada peringkat asas kritikan sahaja iaitu penghayatan, penganalisisan serta penilaian dan tidak lagi sampai kepada peringkat pembinaan teori sastera. Sekiranya kritikan sastera boleh sampai ke tahap pembinaan teori sastera, maka ini menunjukkan bahawa satu kemajuan yang penting dalam sejarah teori kritikan kesusasteraan Melayu telah wujud.

Dalam hubungan ini, penghasilan karya di negara ini mempunyai kaitan dengan esei kritikan. Penghasilan karya sememangnya mempengaruhi penghasilan esei kritikan. Sekiranya banyak penghasilan karya dilakukan, maka banyaklah kajian berbentuk ilmiah terhadap sesuatu karya tersebut dilakukan. Hal ini dilihat selari dengan pendapat Mana Sikana (1983) yang menyatakan bahawa apabila drama tumbuh amat subur di sekitar tahun 1960-an kritikan juga muncul mengekori kegiatan pementasan itu. Dengan itu, martabat bidang kritikan negara akan meningkat dan kesusasteraan negara tidak lagi dipandang enteng oleh segelintir masyarakat yang menganggap sastera itu ‘kolot’ dalam hidup mereka.

Menyentuh tentang genre sastera pula, jika diperhatikan kepada keempat-empat genre, genre drama merupakan genre yang paling lewat hadir dalam dunia kesusasteraan berbanding dengan genre yang lain. Hal ini menyebabkan kritikan drama juga lewat hadir di negara ini sekali gus menyebabkan kuantiti kritikan drama itu sendiri sedikit berbanding dengan kritikan genre kreatif yang lain. Genre drama pada dekad 1980-an hingga dekad 1990-an merupakan genre yang kajian ilmiahnya paling sedikit berbanding dengan novel, puisi dan cerpen. Hal ini memandangkan genre drama kurang mendapat perhatian yang serius daripada pengkritik-pengkritik tempatan. Hal ini disokong oleh pandangan Zakaria Ariffin, (2010) yang menyatakan genre drama kurang diberi perhatian oleh para sarjana atau pengkaji kesusasteraan memandangkan perkembangan drama agak lewat dan lambat jika dibandingkan dengan genre kesusasteraan yang lain. Menurut beliau lagi, sehingga tahun 1980, jumlah karya drama yang terhasil (diterbitkan) sangat sedikit jumlahnya. Dalam masa 40 tahun itu, terdapat kira-kira 100 judul drama sahaja yang diterbitkan sama ada dalam bentuk buku atau tersiar dalam majalah.

Selain itu, penghasilan karya drama yang kurang memberangsangkan juga dilihat antara salah satu mengapa pengkritik-pengkritik tempatan lebih selesa memilih genre yang lain berbanding genre drama sendiri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan genre drama pada abad ini dilihat semakin menunjukkan ke arah yang lebih positif. Pertumbuhan drama pada abad ini dilihat seiring dengan kajian terhadap genre drama sendiri. Pertumbuhannya dilihat semakin memberangsangkan dan aktif terutama sekali apabila tibanya musim peraduan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kajian terhadap drama yang semakin memberangsangkan dan aktif ini dikatakan kerana kemunculan pengkritik-pengkritik muda keluaran IPTA mahupun IPTS. Sejak subjek teori dan kritikan diperkenalkan di beberapa buah fakulti serta pusat pengajian di universiti-universiti tempatan, terdapat sedikit perkembangan yang berlaku terhadap dunia kritikan walaupun pensyarah-pensyarah teori dan kritikan di universiti-universiti tempatan masih lagi sedikit. Antara pensyarah-pensyarah yang menguasai bidang ini ialah Hashim Awang, Umar Junus, Mohd. Yusof Hasan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Wong Soak Koon, Mana Sikana, Mohamad Mokhtar Hassan, Hashim Ismail, Siti Hajar Che Man, Sohaimi Abdul Aziz, Saleeh Rahamad, Mohd. Zariat Abdul Rani, Awang Azman Awang Pawi serta Rahimah Abdul Hamid.

Pensyarah-pensyarah yang disebutkan ini sedikit sebanyak telah melahirkan golongan pengkritik yang berani tampil untuk mengkritik kerana mereka dilengkapi sedikit sebanyak dengan ilmu kritikan yang mereka pelajari semasa menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Antara institusi-institusi yang terlibat dalam menawarkan subjek kritikan mahupun drama adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UITM), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Kewujudan bidang kritikan dan drama ini di institusi-institusi tempatan mahupun swasta sedikit sebanyak memberi sumbangan terhadap perkembangan dunia kritikan sastera Melayu serta genre drama di negara ini. Graduan-graduan yang lahir daripada bidang ini sedikit sebanyak memberi sumbangan terhadap perkembangan drama dengan menghasilkan skrip-skrip drama. Apabila skrip-skrip drama dihasilkan, maka sedikit sebanyak terdapat kritikan yang dilahirkan oleh pengkritik-pengkritik tempatan. Rata-rata kritikan tersebut dapat menyumbang ke arah perkembangan drama yang lebih baik.

Selain itu, menurut Ramli Isin (2002) menyatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi di atas adalah dengan menganjurkan berbagai-bagai bentuk aktiviti kesusasteraan yang ada hubungannya dengan kerja-kerja penulisan eseи kritikan sastera pada peringkat kebangsaan serantau dan antarabangsa. Umpamanya Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan sebanyak tiga kali kolokium Kesusasteraan Melayu Moden pada dekad 90-an hingga tahun-tahun 2000 itu. Walaupun sifatnya tertutup dan pembentang-pembentang kertas kerjanya terdiri daripada sarjana-sarjana sastera tempatan yang memang berwibawa dalam penulisan kritikan, namun Ramli Isin berpendapat tidak ada bezanya kertas-kertas kerja yang mereka hasilkan itu dengan kertas-kertas kerja yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana sastera Melayu dari luar negara yang turut dibentangkan dalam sesuatu seminar kesusasteraan yang dianjurkan di rantau ini. Kesan daripada usaha penganjuran berbagai-bagai bentuk aktiviti kesusasteraan ini dapat melestarikan kajian eseи kritikan di negara ini

Namun begitu, hakikat yang perlu diketahui adalah walaupun pertumbuhan drama dan juga kajian terhadapnya dilihat semakin memberangsangkan dan aktif namun kajian terhadap drama yang diterbitkan masih lagi kurang berbanding dengan pertumbuhan genre puisi, novel dan cerpen. Perkara ini dilihat seperti genre drama masih lagi ‘ketinggalan’ dan tidak diambil berat. Perkara ini sedikit sebanyak membantutkan perkembangan dunia kritikan drama serta dunia drama itu sendiri. Fenomena ini tidak sepatutnya dibiarkan berterusan bagi menjamin perkembangan dunia kritikan sastera. Sehubungan itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa kesan perkembangan kritikan drama yang terbantut ini menyebabkan kurangnya kajian dilakukan dalam meneliti eseи-esei kritikan drama.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan kajian yang lepas, kajian terhadap bidang kritikan drama merupakan kajian yang terkemudian berada di negara ini berbanding dengan kritikan genre kreatif yang lain seperti puisi, cerpen dan novel. Hal ini memandangkan titik kehadiran bidang

drama itu sendiri agak lewat untuk berada di negara ini. Hal ini juga turut sama dikemukakan oleh Zakaria Ariffin (1985) dalam pembentangan kertas kerjanya di Bengkel Kritikan Sastera anjuran Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, UKM yang menyatakan bahawa hampir selari dengan perkembangan genre itu sendiri, sejarah kritikan drama juga agak lewat titik mulanya, malah merupakan bidang kritikan yang paling kemudian jika dibandingkan dengan kritikan genre sastera yang lain.

Perkembangan genre drama itu sendiri dilihat mampu mempengaruhi jumlah kritikan drama di negara ini. Dengan kekurangan jumlah eseи kritikan drama di negara ini, maka kajian terhadap kritikan drama itu sendiri kurang diberikan perhatian. Ini ditambah lagi dengan faktor terhentinya Hadiah Sastera pada tahun 1977. Menurut Munir Ali (1990) dengan terhentinya Hadiah Sastera pada tahun 1977, dunia kritikan dan eseи kelihatan semakin lesu dan tidak bermaya lagi. Walau bagaimanapun sejak dekad 1980-an, penulisan kritikan drama ataupun eseи kritikan drama mula diberikan perhatian. Hal ini seiring dengan pendapat Hashim Awang (2003), yang menyatakan bahawa penulisan kritikan drama yang sebelum ini tidak diberi perhatian wajar mula mendapat tempat dalam dekad 1980-an.

Walaupun perhatian mula diberikan terhadap kajian penulisan kritikan drama, namun kajian yang dibuat rata-ratanya mempersoalkan perkara yang sama dan berulang. Tidak ada pembaharuan yang dapat dilihat dibuat oleh pengkaji kritikan drama. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang dibuat oleh Irasha Idris (1999). Kajian tesis sarjananya ini adalah berkisar soal kajian tentang kritikan drama dalam *Dewan Sastera* dekad 1970-an, 1980-an dan 1990-an. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan eseи kritikan drama yang dibuat ke arah melahirkan bentuk-bentuk tulisan yang bermutu serta mampu membina minda masyarakat ke arah kehidupan yang lebih harmonis. Kajian ini telah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu sejarah awal drama, zaman bangsawan, pemikiran drama dan pendekatan yang digunakan. Pengkaji membahagikan penulisan kritikan drama yang terdapat dalam *Dewan Sastera* kepada lima bentuk Esei Kritikan. Kemudian penilaian dilakukan terhadap eseи kritikan drama tersebut berdasarkan aspek teori atau pendekatan yang digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa eseи kritikan drama dekad 1980-an dapat dilihat bentuk-bentuk kritikan drama yang jauh lebih baik dari sebelumnya dan fenomena kritikan drama yang kian bertambah matang pada dekad 1980-an memberi makna ke arah pertumbuhan drama yang lebih bermutu pada dekad 1990-an.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Shokeri Hassan (2003) dalam tesis sarjananya iaitu *Perkembangan Teori dan Pendekatan Kritikan dalam Kesusastraan Melayu Dekad 80-an dan 90-an* pula membicarakan soal perkembangan eseи kritikan pada dekad 80-an dan 90-an. Dalam melihat perkembangan tersebut, pengkaji melihat kuantiti dan kualiti eseи-esei kritikan yang telah dihasilkan sepanjang kedua-dua dekad berkenaan. Dalam menentukan kualiti sesuatu kritikan itu, pengkaji melihat dan menilai sesebuah eseи kritikan tersebut berdasarkan satu aspek sahaja iaitu aspek teori atau pendekatan yang digunakan. Perkara ini dilihat sebagai satu kelompongan yang harus diberi perhatian memandangkan aspek penilaian eseи kritikan drama hanya

dilakukan berdasarkan kepada satu aspek sahaja. Kajian ini dilihat lebih kurang sama dengan kajian yang dilakukan oleh Irasha Idris. Perkara yang membezakan kajian ini adalah bahan kajian Irasha Idris difokuskan kepada kritikan drama sahaja manakala bahan kajian Shokeri Hassan difokuskan kepada keempat-empat genre iaitu puisi, cerpen, novel dan drama.

Hasil kajian Shokeri Hassan ini mendapati bahawa genre drama kurang mendapat sambutan bukan sahaja dari kalangan pengkritik malah pengkarya dan khalayak sastera dan ini mempengaruhi penghasilan tulisan kritikan drama. Hasil kajian Shokeri didapati bahawa hanya terdapat beberapa buah drama yang bermutu sahaja terdapat pada dekad tersebut. Perkara ini mendatangkan kesukaran bagi pengkaji kritikan drama untuk menghasilkan kritikan drama yang bermutu. Hal ini kerana, penghasilan drama yang bermutu mempengaruhi penghasilan sesebuah kritikan yang bermutu juga. Dengan kekurangan jumlah tulisan kritikan drama pada dekad tersebut, maka perkembangan tulisan kritikan drama dilihat kurang memberangsangkan dan kurang diberi perhatian. Selain itu, menurut Shokeri Hassan lagi sepanjang tempoh kajian ini dilakukan, tidak ditemui drama yang menarik sebagaimana “Uda dan Dara”, “Tamu di Bukit Kenny” atau “Matinya Seorang Pahlawan” karya Usman Awang. Ketiadaan drama bermutu menunjukkan bahawa genre drama kurang mendapat sambutan.

Kajian yang seterusnya yang berkaitan dengan kajian eseи kritikan dilakukan oleh Rahman Shaari (1986). Tajuk kajianya adalah *Kritikan Sastera Melayu Tahun 60-an dan 70-an: Satu Kajian Pendekatan dan Pemikiran*. Kajian ini berkaitan dengan penilaian terhadap kritikan-kritikan karya sastera Melayu yang dibuat oleh penulis-penulis tanah air. Penilaian terhadap tulisan kritikan yang dilakukan dibuat berdasarkan aspek pendekatan dan pemikiran di dalam sesebuah karya tersebut.

Ketiga-tiga kajian di atas bertujuan menilai keberkesanan penulisan eseи kritikan drama pada dekad tersebut berdasarkan aspek pendekatan. Aspek pendekatan yang digunakan dikatakan mampu melihat mutu dan kualiti sesebuah eseи kritikan drama. Perkara ini telah menunjukkan satu perkembangan yang baik dalam dunia kritikan apabila terdapat aspek yang digunakan dalam melihat mutu dan kualiti eseи kritikan drama. Walau bagaimanapun masih terdapat kelompongan yang sangat jelas dapat dilihat dalam ketiga-tiga kajian yang dilakukan itu. Kelompongan tersebut adalah dalam melihat penilaian keberkesanan penulisan sesebuah eseи kritikan drama dekad tersebut. Keberkesanan penulisan ini hanyalah dilihat dari aspek pendekatan sahaja. Tiada aspek lain yang digunakan dalam memperdalam kajian terhadap keberkesanan penulisan eseи kritikan drama tersebut. Ini menjadikan mutu atau kualiti eseи kritikan itu hanya dinilai bersandarkan kepada aspek pendekatan semata-mata. Ini menjadikan kajian ini dilihat tidak begitu mendalam memandangkan penilaian eseи kritikan drama itu haruslah dinilai dari pelbagai aspek.

Justeru, berdasarkan kajian yang dinyatakan di atas, didapati masih terdapat lagi beberapa kelompongan yang harus diberikan perhatian iaitu kelompongan dari segi menilai keberkesanan penulisan eseи kritikan dalam mendapatkan mutu atau kualiti eseи

kritikan. Kebanyakan aspek yang dilakukan dalam menilai keberkesan penulisan esei kritikan drama adalah bersandarkan kepada aspek pendekatan sahaja. Ini menjadikan kajian keberkesan penulisan esei kritikan drama yang dikaji itu dilihat tidak begitu mendalam. Menurut Baharuddin Zainal (1983), teori-teori dan pendekatan-pendekatan dalam kritikan bukanlah jawapan terakhir bagi kritikan sastera. Ini bermaksud bahawa kritikan sastera merupakan satu kritikan yang objektif dan ilmiah dan penggerjaan dalam penulisan kritikan bukanlah bersandarkan kepada aspek pendekatan semata-mata. Mana Sikana (1990) pula berpendapat bahawa teori hanyalah ilmu, pendekatan hanyalah cara, metode hanyalah jalan dan kaedah ialah tatakerja. Teori, pendekatan, metode dan kaedah itu tidak akan dapat melahirkan sebuah kritikan yang baik tanpa ditangani oleh akal, fikiran dan perasaan yang terdisiplin dan terajar.

Sering kali menyaksikan seseorang yang mempunyai pelbagai teori, banyak pengetahuan tentang pendekatan, menguasai metode, kaya dengan kaedah dan sebagainya, tetapi tidak berkemampuan untuk melahirkan atau melakukan kritikan yang sempurna, sekurang-kurangnya sejarah dengan pengetahuannya. Beliau tidak berhasil untuk menanggap dunia imaginasi karya, estetik penceritaan dan ilusi pengarang. Perkara yang diketemukannya hanyalah dunia yang mandul, tumpul dan mengulang-ulang perkara yang pernah diperkatakan orang. Tetapi sebaliknya, sesuatu yang ditemui pula adalah sebuah kerja yang bertanggungjawab, cermat dan penuh dengan daya kritikan, yang dikerjakan oleh seseorang yang terbatas ilmunya pada hanya satu dua teori atau pendekatan tetapi diperdalam dan dihayati sehingga sebat dalam dirinya. Maka, dalam melihat keobjektifan penggerjaan penulisan sesebuah esei kritikan itu, aspek penilaian harus diberi perhatian.

Walau bagaimanapun, kepentingan aspek pendekatan dan teori tidak seharusnya dipertikaikan walaupun kenyataan tersebut ibarat mengabaikan aspek pendekatan. Malah, kritikan tanpa aspek pendekatan bukanlah satu kritikan yang serius. Maka aspek pendekatan serta aspek-aspek yang lain harus diberi perhatian dalam menilai esei kritikan drama dalam mendapatkan satu kerja kritikan yang bermutu. Ini turut disokong dengan pernyataan Hashim Awang (2002) yang menyatakan bahawa:

“Kritikan sastera merupakan kegiatan keilmuan bertatasusila, yang dikerjakan oleh cendekiawan beradab dengan berfungsi bukan sahaja untuk memberikan kebaikan dan kemanfaatan masyarakat serta kemanusiaan, tetapi juga untuk membina aturan-aturan dalam penulisan dan kesusasteraan”.

“Kritikan sastera merupakan kegiatan keilmuan bertatasusila dan amat mementingkan **peraturan atau perundangan**, biarpun peraturan itu tidak tertulis secara jelas dan tegas”....

(Hlmn. 38)

Berdasarkan pernyataan di atas, kritikan sastera dapat memberikan kebaikan dan kemanfaatan masyarakat serta kemanusiaan selain dapat membina aturan-aturan dalam penulisan dan kesusasteraan. Selain itu, berdasarkan pernyataan di atas juga, perkira

yang dimaksudkan oleh Hashim Awang dengan peraturan dan perundangan di sini adalah mengenai aspek penilaian eseи kritikan drama. Dalam mendapatkan penilaian yang berkesan, seseorang pengkritik tidak hanya melihat kepada satu aspek semata-mata. Aspek yang lain juga harus diberi perhatian memandangkan kritikan sastera tergolong ke dalam kegiatan yang bertatasusila.

Selain itu, Muhammad Haji Salleh *et al.* (1985) dalam kertas kerjanya menyatakan bahawa perkara yang dipentingkan dalam penelitian adalah melihat beberapa kecenderungan, pendekatan, pemikiran dan bentuk bimbingan (kalau ada) yang wujud dalam tulisan-tulisan kritikan kita sekarang. Perkataan yang dikurungkan (kalau ada) itu menimbulkan satu keraguan terhadap pengkaji yang mungkin pada masa tersebut belum ada lagi kajian eseи kritikan dalam bentuk bimbingan namun selepas melalui dekad tersebut, terdapat kajian tentang penilaian eseи kritikan dilakukan. Kajian tersebut dilakukan oleh Hashim Awang (1995)<sup>i</sup>. Walau bagaimanapun, tiada kajian yang spesifik dapat dilihat dalam memperdalam kajian tersebut. Justeru kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk menilai eseи kritikan drama dengan lebih mendalam dengan tidak hanya menyentuh aspek penggunaan pendekatan sahaja, malah aspek pengolahan bahasa, aspek penghujahan dan penganalisisan serta aspek isu atau polemik yang dibahaskan juga harus diberi perhatian.

### **1.3        Objektif Kajian**

Penghasilan kepada sesebuah pengkajian sudah semestinya mempunyai matlamat yang ingin digapai oleh pengkajinya. Oleh sebab itu, berdasarkan pengkajian ini, objektif pengkaji dalam mengetengahkan kajian tentang penilaian eseи kritikan drama dalam *Dewan Sastera* adalah bertujuan:

- i) Mengenal pasti penilaian eseи-esei kritikan drama dalam *Dewan Sastera*.
- ii) Menilai eseи-esei kritikan drama dalam *Dewan Sastera* berdasarkan kerangka penilaian yang ditetapkan.

### **1.4        Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting bagi mendapatkan gambaran tentang perkembangan dan kemajuan bidang kritikan drama sebagai satu ciri kesinambungan intelektual disiplin ilmu dalam drama Melayu dari aspek kualiti, kuantiti, serta pendekatan dan penglibatan tokoh-tokoh pengkritik drama dalam menghasilkan eseи kritikan drama yang bermutu dan berkualiti sepanjang abad 20 ini. Selain itu, kajian ini penting bagi membantu usaha pengkritik muda untuk meneliti serta menilai kelebihan dan kekuatan sesebuah penulisan kritikan melalui pengaplikasian pelbagai teori dan pendekatan sastera, pengolahan bahasa, aspek penghujahan dan penganalisisan serta isu atau polemik yang diketengahkan. Justeru, secara tidak langsung dapat mengangkat bidang kritikan sastera sebagai satu disiplin dan cabang ilmu setanding dengan bidang lain dalam kesusasteraan Melayu yang telah berkembang maju.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pengkritik di negara ini tidak kira pengkritik lama atau pengkritik muda dalam menulis esei kritikan dengan cara yang betul dan berdisiplin dalam usaha memartabatkan dan meningkatkan mutu atau nilai esei kritikan drama di negara ini. Berdasarkan aspek-aspek yang digunakan dalam penilaian terhadap esei kritikan drama ini diharapkan agar pengkritik dapat membezakan antara tulisan kritikan yang baik dengan yang kurang baik.

Seterusnya, kajian ini diharapkan dapat memandu pelajar-pelajar IPT yang mengambil bidang Kesusastraan Melayu agar dapat menulis kritikan yang baik lantas menjamin masa depan bidang kritikan negara. Berdasarkan penilaian yang dikemukakan boleh dijadikan asas menulis sebuah kritikan yang baik kepada pelajar-pelajar yang sedang berkecimpung dalam bidang Kesusastraan Melayu. Ini membolehkan martabat esei kritikan drama di negara ini dipandang tinggi.

Selain itu, kajian ini dapat menambahkan lagi khazanah ilmu kesusastraan khususnya dalam bidang kritikan. Tegasnya, pelbagai kepentingan dapat diperoleh daripada hasil kajian ini, khususnya bagi mempertingkat dan memajukan bidang kritikan atau sekurang-kurangnya dapat menarik minat para sarjana membuat kajian dan penyelidikan terhadap bidang kritikan sebagaimana bidang-bidang lain yang sudah berkembang dalam kesusastraan Melayu. Sebanyak 37 buah esei kritikan drama yang diambil dari *Dewan Sastera* akan digunakan sebagai bahan kajian ini. Esei kritikan drama tersebut dapat dilihat dalam Lampiran 1.

### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini dibataskan kepada esei-esei kritikan drama yang dihasil dan disiarkan dalam majalah *Dewan Sastera* pada abad ke-20 sahaja iaitu bermula bulan Januari 2000 hingga Disember 2010. Esei-esei kritikan drama yang dipilih daripada majalah ini terangkum dalam bentuk esei serius, ulasan, resensi, rencana, pengenalan serta laporan. Namun dalam membuat analisis kajian, hanya esei yang bersifat serius dan ulasan sahaja yang akan dipilih. Pemilihan ini dilakukan adalah berdasarkan pendapat Wong Seng Tong (1973) yang mengklasifikasikan kritikan kepada lima jenis utama, iaitu “mengenai kritikan sastera, ulasan, pengenalan, laporan dan idea-idea sastera.”

Menurut Wong Seng Tong, esei kritikan yang boleh diterima pakai sebagai sebuah esei kritikan serta terangkum dalam konsep kritikan kesusastraan Melayu adalah jenis ulasan atau kupasan serta kritikan dan teori sastera. Kritikan dan teori sastera ini pula terangkum dalam esei kritikan jenis serius. Menurutnya, esei kritikan jenis pengenalan dan laporan dianggap tidak berkaitan dengan kajian esei kritikan kerana tidak mengandungi pendapat atau pandangan kritis. Pertimbangan dan penilaian juga tidak wujud atau tidak menonjol.

Bagi esei kritikan jenis laporan pula sekadar mengemukakan catatan ringkas tentang perkembangan sastera, gejala-gejala perkembangan dan tokoh, tetapi hujahannya tidak

kritis. Ini diperkuuhkan lagi dengan pernyataan dari Baharuddin Zainal (1986) yang menyatakan bahawa tidak semua kritikan kesusasteraan dapat dipakai dalam kajian kerana ada di antaranya hanya berupa resensi jurnalistik yang ringan dan respons emosi yang spontan semata-mata. Kritikan yang *impressionistic* seperti ini tidak dapat dijadikan dasar dalam kajian kesusasteraan.

Seterusnya, pemilihan eseи-eseи kritikan drama dalam kajian ini akan dibahagikan kepada tiga pendekatan kritikan drama iaitu kritikan teoritikal, kritikan teks dan kritikan pentas. Menurut Mana Sikana (1988a), menyatakan bahawa kritikan teoritikal adalah tulisan-tulisan yang berhubung dengan drama, baik dalam aspek apa sahaja asalkan tidak menghususkan kritikan itu pada sesebuah skrip atau pementasan. Kritikan teks pula ialah kritikan terhadap sebuah skrip drama atau terhadap beberapa buah drama yang ingin memperlihatkannya sebagai penghasilan seni, terutama aspek keindahan dan teknik pengolahannya. Kritikan pentas pula ialah kritikan bukan hasil pembacaan seperti kritikan teks, tetapi hasil daripada tontonan sebab itu ada yang menyebutkan kritikan perfomansi. Kritikan ini dibuat selepas menonton sesebuah pementasan drama.

Kerelevan pemilihan *Dewan Sastera* sebagai bahan utama dalam kajian ini adalah kerana seiring dengan matlamat penubuhan majalah tersebut iaitu untuk memartabatkan hasil-hasil sastera Melayu. Selain itu, *Dewan Sastera* juga merupakan wadah penyiaran eseи kritikan secara tetap dalam setiap keluarannya sekali gus turut memberi ruang dan kesempatan kepada pengkritik mengasah bakat, malahan menjadi medan bagi mengutarakan wacana, pemikiran, pandangan dan pendapat mereka dalam bidang kritikan.

Kerelevan pemilihan eseи-eseи kritikan yang tersiar pada abad ke-20 sahaja pula adalah kerana, dasar pemilihan bahan-bahan yang tersiar dalam *Dewan Sastera* bermula tahun 2000 akan merangkumkan segala aspek kehidupan dalam konsep globalisasi. Hal ini turut disokong dengan pendapat Rozninah Abd. Azib (1999) yang menyatakan bahawa:

“Bermula tahun 2000 majalah *Dewan Sastera* membuka era baru iaitu menjadikan *Dewan Sastera* “*Penjana Sastera Global*” dan meninggalkan “*Citra Dewan Sastera*” sebagai “*Peneroka Sastera Kreatif*”.”

(Hlmn. I)

Berdasarkan petikan tersebut, hal ini dilihat sesuai dengan perkembangan semasa yang merangkumkan segala aspek kehidupan dalam konsep globalisasi. Selain itu, pemilihan eseи-eseи kritikan dalam *Dewan Sastera* bermula tahun 2000 juga kerana menjelang alaf baru (bermula keluaran tahun 2000), *Dewan Sastera* telah memperbaiki matlamatnya di samping mengekalkan matlamat asalnya yang masih relevan

bersesuaian dengan kematangan usia *Dewan Sastera*. Matlamat baharunya adalah seperti:

- i. Memartabatkan kesusasteraan berjati diri Malaysia yang dihasilkan oleh bakat kesusasteraan yang berkualiti.
- ii. Menyebarluaskan ilmu kesusasteraan terkini kepada masyarakat dalam bahasa Melayu seiring dengan perkembangan teknologi semasa.
- iii. Menanamkan sifat kemanusiaan dan nilai-nilai murni kepada masyarakat dengan tujuan mempengaruhi dan mendidik mereka supaya menjadi manusia yang unggul.
- iv. Memperkenalkan dan mempopularkan hasil kesusasteraan Melayu lama dan moden kepada masyarakat setempat dan dunia.
- v. Menonjolkan penulis-penulis tempatan supaya dikenali dan seterusnya diiktiraf oleh tempatan dan dunia.
- vi. Menjadi wadah kepada penulis yang sudah matang dalam berkarya.

## **1.6 Definisi Operasional**

### **1.6.1 Penilaian**

Menurut Ismail Omar (2013), penilaian merupakan proses pembentukan pendapat untuk menentukan nilai sesuatu. Dalam hal ini, pendapat yang dinyatakan adalah menurut kepada sesuatu kerangka, teori maupun pendekatan.

Penilaian menurut *Kamus Melayu Global* pula bermaksud pentaksiran. Dalam hal ini, pentaksiran dilakukan terhadap sesuatu data dalam mendapatkan sesuatu kepentingan iaitu eseи kritikan drama.

Berdasarkan definisi-definisi penilaian berikut, dapat dinyatakan bahawa penilaian merupakan proses memberi pendapat terhadap sesuatu kepentingan yang ada dalam pegangan eseи kritikan drama.

### **1.6.2 Esei**

Menurut Mana Sikana (1998a) eseи dianggap sebagai bentuk sahaja. Jadi, sesebuah karangan yang dihasilkan dengan sistematis, berdisiplin dan ilmiah dikategorikan sebagai eseи. Definisi ini ingin mengklasifikasikan bahawa kritikan itu adalah sebahagian daripada eseи manakala Rahman Shaari (1988) yang dipetik oleh Mana Sikana eseи bermaksud tulisan-tulisan tentang sastera, sama ada berbentuk kajian ataupun pandangan-pandangan yang bersandarkan sama ada kepada keadaan semasa kesusasteraan, atau sejarah sastera, atau hubungan sastera dengan masyarakat dan lain-lain lagi. Pandangan-pandangan di dalam eseи selalunya menyeluruh tentang sesuatu topik, iaitu tidak menumpukan kepada sesuatu aspek karya atau suatu aliran sastera sahaja. Secara umumnya, eseи bermaksud “...a composition, usually in prose, of moderate length and on a restricted topic”. Menurutnya lagi di dalam arena kritikan sastera Melayu tulisan-tulisan Ismail Hussein yang bersifat kajian sastera, atau yang

mengisi pandangan-pandangan keseluruhannya tentang sastera Melayu, termasuk ke dalam kategori eseи yang dimaksudkan ini.

Rahman Shaari (2001) pula mendefinisikan eseи sebagai karangan pendek mengenai topik atau tema tertentu yang pada amnya mengandungi pemikiran serta analisis. Istilah ini dalam sastera seringkali digunakan secara longgar dan meluas. Oleh itu tidak ada definisi yang tepat dapat dibuat. Beliau sendiri memasukkan eseи dalam kritikan, iaitu salah satu cabang kritikan. Setengah-setengah eseи bersifat deskriptif, naratif, debatan, lucu, menyindir, kritik, objektif dan subjektif. Antara jenis-jenis eseи termasuklah artikel-artikel dalam majalah, lidah pengarang, ulasan buku dan beberapa bentuk lagi.

Menurut Mana Sikana (1998a) pula menyatakan bahawa eseи itu adalah apa sahaja pembicaraan, huraian atau penganalisaan terhadap kehidupan sastera dapat diterima sebagai eseи. Menurutnya lagi, eseи lebih berat dan serius daripada sebuah rencana sastera. Terutama di peringkat universiti dan yayasan tinggi, definisi eseи sastera itu ialah apa sahaja kajian mengenai sastera, teori, kritikan, sastera bandingan, proses kreatif dan sebagainya yang ditulis dalam satu rangka tertentu, penuh dengan catatan atau nota kaki dan menggunakan rujukan atau bibliografi. Pendeknya, pengkategorian tentang eseи berhubung rapat dengan aspek keilmiahannya.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan pendapat tokoh di atas, eseи merupakan segala pembicaraan yang dijalankan dengan sistematis, disiplin dan ilmiah mengenai sastera tidak kira sama ada soal kritikan, tokoh, sejarah dan teori.

### **1.6.3 Kritikan**

Kritikan berasal daripada kata dasar kritik, dan kata kritik berasal daripada kata *krinein* dalam bahasa Yunani yang bermaksud menghakimi, membanding dan menimbang. Kata *krinein* menjadi pangkal atau asal kata *kreterion* yang bererti dasar, pertimbangan, penghakiman (Atar Semi, 1989). Oleh yang demikian, orang yang melakukan pertimbangan dan penghakiman terhadap sesuatu perkara di zaman Yunani disebut sebagai *krites*. Istilah *krites* ini kemudiannya menjadi asas bagi menerangkan kegiatan atau sifat orang yang memberi penghakiman terhadap karya seni sastera.

Mengikut *Pusat Rujukan Persuratan Melayu* (PRPM), kritikan bermaksud analisis, penilaian, dan teguran terhadap karya seni, sastera dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kritikan dari aspek sastera mempunyai pengertian yang berbeza-beberbeza. Menurut Hashim Awang (2002), kritikan sastera merupakan suatu wacana budaya yang merangkumi kerja membuat analisis, mengolah pandangan, pendapat, pemikiran atau gagasan. Hal ini demikian timbul daripada usaha-usaha menilai, dan mempertimbangkan, suatu penghasilan budaya berupa karya sastera.

Dalam hubungan ini, kritikan dikerjakan secara ilmiah dan sistematik dengan berlandaskan kepada tatacara atau ukuran yang dapat diterima oleh sesuatu kumpulan manusia berbudaya atau masyarakat; pengerajan. Kritikan sastera, untuk kemanfaatan pengarang, pengkaji, peminat, dan juga pembaca atau khalayak sastera. Hashim Awang (2002) juga memberikan pengertian kritikan sastera dengan langsung menyerlahkan sejumlah gagasan berguna dan bermakna untuk menjadi landasan utama dalam perbahasan tentang pendisiplinan dalam penulisan kritikan sastera.

Abdul Halim Ali (2011b), pula menyatakan bahawa kritikan bermaksud memberi penilaian terhadap sesuatu hasil seni menerusi proses pengamatan dan perbandingan, menganalisis dan menghayati dengan kaedah-kaedah yang sistematik dan beralasan dengan maksud mengembangkan tanggapan-tanggapan yang terbit darinya. Pernyataan ini diperkuuhkan lagi dengan pernyataan daripada Arba'ie Sujud, *et al.* (2010), yang menyatakan secara umum kritikan sastera bermaksud segala pembicaraan tentang hasil karya yang meliputi pelbagai aspek seperti aspek teoritis, pengarang dan kepenggarangan dan segala hal yang berhubung dengan fenomena masyarakat dalam sesebuah karya sastera. Begitu juga dengan Sahlan Mohd. Saman dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2012) yang menyatakan bahawa kritikan sastera mengandungi aspek pentafsiran, penilaian, pengadilan dan apresiasi terhadap sebuah karya sastera.

Berdasarkan pendapat tokoh sarjana di atas yang menyatakan maksud kritikan yang hampir sama dapat disimpulkan bahawa kritikan sastera merupakan segala pembicaraan tentang hasil karya seperti proses menganalisis, mengolah pendapat, membuat perbandingan, mengapresiasi, menghayati serta memberi penilaian terhadap pemikiran atau gagasan yang timbul dalam sesebuah karya sastera seperti novel, puisi, cerpen dan drama. Ini bertujuan untuk membuat penilaian bagi melihat kelebihan atau kelemahan sesebuah karya sastera tertentu. Kritikan sastera juga dilihat memberi manfaat kepada pengarang, pengkaji, peminat, dan juga pembaca atau khalayak sastera kerana kritikan sasteralah yang menjadi pengantara antara pengarang dengan khalayak.

#### **1.6.4      Drama**

Drama berasal dari bahasa Greek; dari kata kerja ‘dran’ yang bererti berbuat, atau *to act* atau *to do* (Morris, 1964). Dari segi makna khusus mengutamakan perbuatan, gerak yang merupakan elemen yang bersifat drama. Drama adalah hidup yang ditampilkan melalui gerak (Moulton 1989). Drama adalah kesenian melukis sifat dan sikap manusia dengan gerak (Slametmuljana 1957) manakala menurut Mana Sikana (2009) pula, drama adalah gambaran hidup manusia yang dicipta oleh pengarang melalui daya imaginasi, fantasi dan pengalaman hidup serta proses sosialisasi dalam masyarakatnya. Drama ialah genre sastera yang dihasilkan oleh pengarang dalam suatu bentuk tulisan yang bertujuan untuk dipentaskan. Dengan perkataan lain, drama merupakan karya kreatif yang berbentuk skrip; satu komposisi penciptaan prosa atau puisi yang membawa pemikiran, tema dan persoalan dengan menggunakan dialog sebagai mekanisme penulisannya.

Berbeza dengan pendapat Sahlan Mohd Saman dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2012), beliau membahagikan drama kepada dua, iaitu penulisan skrip dan pementasan. Penulisan skrip bermaksud mendekatinya sebagai wadah sastera dengan melakukan penganalisisan dari aspek pemikiran, menentukan kekuatan perwatakan dan peranannya, menilai aplikasi gaya, menghuraikan sudut-sudut latar di samping melihat unsur-unsur dramatik yang membina jalan ceritanya. Dari segi pementasan pula, bererti mendekatinya sebagai bahan teater.

Berdasarkan pendapat tokoh di atas, dapat disimpulkan bahawa drama merupakan satu bentuk penulisan sastera imaginatif tentang gambaran kehidupan manusia yang dicipta oleh pengarang melalui proses-proses tertentu yang membawa pemikiran, tema dan persoalan dengan menggunakan dialog sebagai mekanisme penulisannya. Drama boleh terbahagi kepada dua, iaitu drama tulisan dan drama pementasan. Tidak lengkap bagi sebuah drama yang dicipta namun tidak dipentaskan.

### **1.6.5      Rumusan**

Oleh yang demikian, berdasarkan pendefinisan yang telah diberikan oleh setiap patah kata yang dijadikan sebagai tajuk kajian ini menunjukkan bahawa penilaian eseи kritikan drama adalah proses pembentukan pendapat, aturan atau ukuran yang baik dalam penulisan eseи kritikan bagi mendapatkan hasil kritikan yang bermutu dan bernilai berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, penilaian dalam konteks ini membincangkan soal konsep keakuratan pengkritik dalam mengikut kriteria dalam kerangka penilaian eseи kritikan drama dalam *Dewan Sastera* tahun 2000-2010 yang ditetapkan. Bahagian seterusnya dalam pengkajian ini ialah bahagian sorotan literatur atau tinjauan terhadap kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu.

## BIBLIOGRAFI

- A. Zainoor Ismail (2010). “Membuka Semula Pentas Kritikan Sastera”. *Dewan Sastera*: April 2010
- Abdul Fatah Hassan (2001). *Pengenalan Falsafah Pendidikan*. Batu Caves: PTS Publication.
- Abdul Halim Ali (2006). *Ikhtisar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- \_\_\_\_\_. (2011a). (<http://www.teorisastera.blogspot.com>) Diakses pada: 26 Disember 2013.
- \_\_\_\_\_. (2011b). *Pengantar Teori dan Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Ahmad Kamal Abdullah, *et al.* (1990). *History of The Modern Malay Literature*. (Jilid 2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andi Suwirta, M.Hum dan Dr. Arlin Adam (2012). ([http://atikan-jurnal.com/wp-content/uploads/2012/12/05.andi\\_arlin\\_12.pdf](http://atikan-jurnal.com/wp-content/uploads/2012/12/05.andi_arlin_12.pdf)) ATIKAN, 2(2). (Diakses pada 30 April 2014)
- Anwar Din (2008). *Kesenian: Konsep, Aliran dan Kritikan dalam (Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arba’ie Sujud *et al.* (2010). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar (2010). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2004). *Tertib Mengarang Asas retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2009). *Sintaksis Bahasa Melayu Bersumberkan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Baharuddin Zainal (1983). Situasi Kritikan Mutakhir Malaysia: Satu Kesan. *Kertas kerja dalam Seminar Kritikan Sastera*. Kertas 3. Bangi: UKM, Jabatan Persuratan Melayu:
- Baharuddin Zainal (1986). *Kajian Kesusasteraan dan Kritikan Kesusasteraan (Mendekati Kesusasteraan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Bambang SM Said (2005). "Nilai Kehakiman dalam Kritikan Filem Komedi". *ASWARA, Jurnal Skrin Malaysia*, Vol. 2, No. 2:83-91. Kuala Lumpur: Penerbit ASWARA
- Brown, P., & Levinson, S. (1987). *Politeness: Some Universal in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hashim Awang (1988). *Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ (1995). Etika dalam Kritikan Sastera. *Seminar Kebangsaan Etika dalam Penulisan dan Kewartawanan* (28-29 oktober 1995). Kertas 15. Petaling Jaya:Universiti Malaya
- \_\_\_\_\_ (1997). *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ (2002). "Pendisiplinan dalam Penulisan Kritikan Sastera". *Dewan Sastera*. Mac 2002.
- \_\_\_\_\_ (2003). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden: Esei Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Idris Aman (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Indirawati Zahid (2012). *Kesantunan Melayu ke Arah Situasi Bebas Konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irasha Idris (1999). *Kajian Tentang Kritikan Drama dalam Dewan Sastera Dekad 70-an, 80-an dan 90-an*. Tesis Ijazah Sarjana pengajian Kesusasteraan Melayu. Bangi: UKM.
- Kamarudin Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1997). *Penguasaan Kemahiran Menulis*. Petaling Jaya: Kumpulan Budiman
- Kamus Melayu Global* (2006). Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd
- Kassim Ahmad (1974). "Teori dan Prinsip-prinsip Kritikan Sastera". *Dewan Sastera*. Disember 1974.
- \_\_\_\_\_ (1993). "Kemelut yang Berpanjangan Kritikan Sastera di Malaysia Kini" dalam Ainon Abu Bakar (Editor). *Telaah Sastera Melayu Himpunan Kertas Kerja Minggu Sastera Malaysia di London 1992*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Laporan Panel Hadiah Sastera Malaysia 2002/2003 (Genre Esei/ Kritikan/ Kajian Sastera). *Dewan Sastera*. Mac 2004
- \_\_\_\_\_ 2010/2011 (Genre Esei/ Kritikan/ Kajian Sastera). *Dewan Sastera*. Mac 2013

- Mana Sikana (1983). *Esei & Kritikan Drama*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- \_\_\_\_\_ (1988a). *Kritikan Sastera, Masalah dan Peningkatannya*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- \_\_\_\_\_ (1988b). *Asas Menganalisa Sastera*. Kuala Lumpur: Penerbit Karyawan.
- \_\_\_\_\_ (1990). *Teori Kritikan Baru: Ke Mana Arah dalam Sastera Melayu Moden: Perubahan dan Tamadun*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Karyawan.
- \_\_\_\_\_ (1998a). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- \_\_\_\_\_ (1998b). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- \_\_\_\_\_ (2009). *Sejarah Kesusastraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ (2011). *Pemikiran dan Corak Kritikan Drama Melayu. (Estetika Dramatik dan Spektrakular Teater)*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- \_\_\_\_\_ (2011). “Dinamika Dramatik: Tuntutan Teoritis dan Perlenggaran Tekstual”. *Jurnal Melayu*, Bil 6:187-210. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- \_\_\_\_\_ (2012). *Teori Sastera Kontemporari edisi VIII*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka karya.
- \_\_\_\_\_ (2013a). *Berdiri di Akar Diri Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- \_\_\_\_\_ (2013b). *Dari Barat ke Timur Teori dan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maniyamin Haji Ibrahim (2006). *Gaya Bahasa Kiasan: Penggunaan dan Keberkesanannya dalam Sajak*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohamad Mokhtar Hassan, (1993). “Kritikan Puisi Melayu Moden: Sejarah, Arah dan Rasional”. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 5:46-63. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Akademi Pengajian Melayu.
- Mohamad Mokhtar Hassan, (2002). “Teori Sastera Tempatan: Satu Analisis”. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 12: 24-37. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Akademi Pengajian Melayu.
- Mohamad Mokhtar Hassan (2005). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohd. Yusof Hasan (1995). *Penghayatan Fiksyen Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Ikhram Fadly Hussin (2005). Teori dan Kritikan Sastera Alam Melayu: Quo Vadis?. *Seminar Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau II* (22-24 Mac 2005). Kertas Kerja Tambahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Haji Salleh *et al.* (1985). *Kritikan Situasi Mutakhir dan Arah Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munir Ali (1990). *Perkembangan Kritikan Sastera di Malaysia* dalam (*Kajian Kesusastraan Melayu Moden*). Shah Alam: Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Othman Puteh (1996). “Ese/Kritikan Genre Novel dan Cerpen di Sabah: Situasi Kini dan Kemungkinan Jalurnya”. *Dewan Sastera*. Julai 1996.
- Rachmat Djoko Pradopo (2005). *Kritik Sastra Indonesia Moden*. Yogyakarta: Penerbit Gama Media.
- Rahman Shaari (1986). Kritikan Sastera Melayu Tahun 60-an dan 70-an: Satu Kajian Pendekatan dan Pemikiran. Tesis Sarjana. Bangi: UKM
- \_\_\_\_\_ (1988). *Kritikan Sastera Melayu Pendekatan dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- \_\_\_\_\_ (1996). *Persediaan Menulis Esei Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- \_\_\_\_\_ (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, Distributors Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_ (2002). *Esei & Puisi BAHA ZAIN tentang penulis dan persekitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ (2008). *Penelitian Sejarah Kesusastraan Melayu Moden 1940-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ramli @ Sahari Isin (2000). “Penulisan Esei Kritikan Sastera Dekad 80-an”. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Bil. 4:120-131. UPM: FBMK: Jabatan Bahasa Melayu.
- \_\_\_\_\_ (2001a). “Penulisan Esei Kritikan 1970-1980: Satu Interpretasi”. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Bil 6: 125-136. UPM: FBMK: Jabatan Bahasa Melayu.
- \_\_\_\_\_ (2001b). “Penyalur Esei Kritikan Terunggul (sisipan khas)”. *Dewan Sastera*. Oktober 2001

- \_\_\_\_\_. (2002). “Penulisan Esei Kritikan Sastera Dekad 80-an”. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Bil. 7:115-127. UPM: FBMK: Jabatan Bahasa Melayu.
- Rene Wellek dan Warren (terj.) (1988). *Teori Kesusastraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Roger Webster (terjemahan Shamsuddin Jaafar) (2004). *Mengkaji Teori Sastera Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roosfa Hashim (2009). *Menulis Ulasan Buku untuk Akhbar, Majalah dan Jurnal Ilmiah*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien Sdn. Bhd.
- Rozninah Abd. Azib (1999). “Penjana Sastera Global”. *Dewan Sastera*. Disember 1999.
- Sahlan Mohd Saman (2008a). “Pengkaedahan Melayu- Islam dalam kritikan sastera”. *Jurnal Melayu* Vol. 3:1-13. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2008b). *Penelitian Sejarah Kesusastraan Melayu Moden 1940-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- \_\_\_\_\_. (2010). “Masuk Ke Dalam Dunia Kritikan Sastera”. *Dewan Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Mac 2010.
- Sahlan Mohd Saman, Shaiful Bahri Md. Radzi (2012). *Persuratan Melayu Tradisional ke Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad (1993). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shokeri Hassan (2003). Perkembangan Teori dan Pendekatan Kritikan dalam Kesusastraan Melayu Dekad 80-an dan 90-an. Tesis Sarjana. Serdang: UPM.
- Susan R. Horton (penterjemah Amir Hamzah Ismail *et al.*) (1993). *Penulisan: Cetusan Fikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- WilliamK.Frankena, (1973). <http://www.ditext.com/frankena/e4.html>) diakses pada 26/1/2014
- Wong Seng Tong (1973). Kritikan Sastera dalam Kesusastraan Melayu Moden (1936-1955). Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Jabatan Pengajian Melayu.
- Zakaria Ariffin (1985). Kritikan Drama Dari Sudut Pementasan. *Bengkel Kritikan Sastera anjuran Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: UKM.

Zakaria Ariffin (2010). Dinsman dan Johan Jaafar: Dua Jebat Teater dalam Siti Aisah Murad (peny.) *Kesusasteraan Melayu Moden 1970-1979*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

<http://asisbuton.files.wordpress.com/2009/02/id2-pengertian-etika.pdf>. (Diakses pada 1 Oktober 2013)

<http://prpm.dbp.gov.my>. (Diakses pada 26 Jun 2013)

<http://www.slideshare.net/ariefGSD/tulisan-ilmiah-vs-tulisan-sastra>. (Diakses pada 15 Mei 2013)